



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Mulia
Ketua Bahagian Perhubungan Awam
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia Tuan Haji,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PER: WEBLINK RANGKA KERJA KEBANGSAAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK
[NATIONAL FRAMEWORK ON CHILD PROTECTION (NFCP)] DALAM LAMAN SESAWANG
KEMENTERIAN-KEMENTERIAN**

Dengan hormat sukacita merujuk surat Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bil: KKBS/KEM/7/1/5/20 bertarikh 7 Safar 1443/14 September 2021 kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diterima pada 21hb September 2021 mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman Tuan Haji Rangka Kerja Kebangsaan Perlindungan Kanak-kanak (NFCP) telah pun dilancarkan pada 22 Disember 2020. Buku NFCP adalah sebuah dokumen rujukan kearah memperkukuhkan lagi ekosistem perlindungan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam melalui pendekatan Whole-of-Nation demi memastikan tiada kanak-kanak yang tercicir dari mendapatkan perlindungan.

3. Untuk makluman Tuan Haji, buku NFCP ini juga mengandungi beberapa strategi utama yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak termasuk dari aspek dasar, undang-undang dan etika; mekanisme pemantauan; koordinasi diantara agensi; perkhidmatan social; sokongan keluarga; penglibatan masyarakat; pencegahan; penglibatan kanak-kanak dan peningkatan latihan dan kapasiti. Secara keseluruhannya NFCP mengandungi 6 teras iaitu: Dasar dan Perundangan; Mekanisme Pemantauan; Penyelarasan antara agensi; Perkhidmatan Sosial; Sokongan Keluarga; dan Penglibatan Komuniti.

4. Sehubungan dengan ini, dipohonkan kerjasama pihak Tuan Haji untuk memaparkan weblink NFCP iaitu: <http://japem.gov.bn/Documents/nfcp.pdf> dalam laman sesawang kementerian ini sepertimana saranan dan pelawaan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

3



Sekian disampaikan untuk perhatian dan tindakan lanjut Tuan Haji mengenainya.

والسلام

[HAJI MOHD SERUDIN BIN HAJI TIMBANG]

Timbalan Setiausaha Tetap
(Dasar dan Keugamaan)

Rujukan: KHEU/TSUT/59/2006

Tarikh: : 20 Safar 1443/27 September 2021

s.k: Yang Mulia Setiausaha Tetap, KHEU

